

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program pengajian atau kursus jangka pendek yang bersesuaian bagi pelajar yang memilih untuk bekerja selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran turut menyediakan kursus jangka pendek dikenali sebagai program modular kepada pelajar yang memilih untuk bekerja selepas tamat persekolahan.

Persijilan Program Modular adalah program jangka pendek yang dibangunkan berdasarkan kompetensi yang terdapat dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Objektif program ini ialah:

- (i) Membolehkan pelatih mendapat kemahiran untuk memasuki pasaran kerja dalam masa yang singkat;
- (ii) Membantu memantapkan kemahiran pelatih agar mampu menjadi tenaga mahir yang berkualiti;
- (iii) Membolehkan pekerja sedia ada meningkatkan kemahiran yang dimiliki melalui modul yang relevan dengan pasaran kerja semasa; dan
- (iv) Menggalakkan pelaksanaan latihan secara fleksibel sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi mendapatkan kelayakan kemahiran.

Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat 294 program modular yang telah diluluskan oleh JPK melibatkan pelbagai bidang kemahiran serta tahap persijilan dan seramai 5781 pelatih telah mendaftarkan diri untuk menjalani program modular ini di seluruh Malaysia.